

BAB 2

TERJEMAHAN DAN MAKNA PERINTAH

2.0 Pendahuluan

Terjemahan merupakan satu aktiviti yang menghubungkan dua bangsa atau lebih dalam memahami antara satu sama lain. Aktiviti ini tersebar hampir di setiap pelusuk dunia. Tambahan pula, zaman sekarang merupakan zaman tanpa sempadan yang menggunakan internet sebagai medium komunikasi. Maka, keperluan menterjemah daripada satu bahasa ke bahasa yang lain amat diperlukan oleh masyarakat di dunia ini.

Setiap bangsa memiliki kepakaran masing-masing sama ada dari segi ilmu pengetahuan, kemahiran atau hal pentadbiran Negara. Dengan adanya perbezaan ini, masyarakat di dunia ini mula berkongsi apa yang mereka miliki antara satu sama lain. Justeru itu, amalan penterjemahan menjadi alat untuk mereka bertukar-tukar pendapat dan idea dalam meneroka ilmu pengetahuan yang luas termasuklah ilmu agama.

Bagi masyarakat Islam, Al-Quran merupakan sumber utama dalam mempelajari ilmu agama. Namun begitu, tidak semua masyarakat Islam yang mampu memahami isi kandungan Al-Quran kerana Al-Quran itu diturunkan dalam bahasa Arab. Oleh sebab itu, amalan penterjemahan Al-Quran sangat diperlukan supaya masyarakat Islam di seluruh dunia ini mampu memahaminya melalui terjemahan Al-Quran.

2.1 Definisi Terjemahan

Definisi terjemahan terbagi kepada dua bahagian, iaitu terjemahan dari segi bahasa dan terjemahan dari segi istilah. Berikut adalah definisi terjemahan mengikut bahagian-bahagiannya:

2.1.1 Dari segi bahasa

Perkataan terjemahan merupakan perkataan terbitan bahasa arab yang berasal daripada perkataan '*tarjama*' yang membawa maksud tafsiran sebagai mana yang terdapat dalam kamus Al-Khalil (2006). Manakala Ibnu Manzur (1993) iaitu pemilik *Lisan Al-Arab* mendefinisikan perkataan *Al-Tarjuman* dan *Al-Turjuman* sebagai pentafsir kepada lisan. Perkataan itu telah digunakan di dalam hadith yang menyebut tentang kisah Hirqal raja Rom. Raja Rom itu telah berkata kepada penterjemahnya seperti berikut: "seseorang yang menterjemahkan perkataan, memindahkannya daripada bahasa ke dalam bahasa yang lain".

Manakala menurut sumber-sumber bahasa yang lain, terjemahan boleh didefinisikan kepada beberapa makna. Antaranya ialah yang membawa maksud penerangan dan penjelasan sebagai mana yang disebut di dalam *Al-Misbah Al-Munir* (Al-Fayumiyy, 1987). Selain itu, Al-Razi (1986) ada menyebut dalam kitabnya *Mukhtar Al-Sihah* bahawa perkataan '*tarjama*' membawa maksud tafsiran dengan menggunakan bahasa kedua. Al-Zabidi (1966) pula dalam kitabnya *Taj Al-Arus* mengatakan *Al-Turjuman* sebagai pentafsir bahasa. Jadi, dapatlah disimpulkan bahawa makna terjemahan dari segi bahasa ialah aktiviti mentafsir, menerangkan atau menjelaskan sesuatu teks supaya difahami oleh orang lain.

2.1.2 Dari segi istilah

Dari segi istilah atau secara teknikalnya, terjemahan lebih tertumpu kepada aktiviti yang melibatkan dua jenis bahasa atau lebih. Menurut Newmark (1988), terjemahan ialah kegiatan menterjemahkan makna sesuatu teks asal kepada bahasa lain berpandukan kepada apa yang diinginkan oleh penulis teks bahasa sumber iaitu bahasa teks asal. Hal ini dipersetujui oleh Catford (1996) yang mendefinisikan terjemahan sebagai “penggantian bahan teks dalam satu bahasa (bahasa sumber) dengan bahan teks yang sepadan dalam bahasa lain (bahasa sasaran). Jadi, kedua-dua ahli bahasa ini menyentuh tentang dua jenis bahasa yang perlu ada dalam aktiviti penterjemahan.

Ainon Muhammad (1994) juga memberikan respon yang hampir sama terhadap makna terjemahan. Beliau telah mengatakan bahawa terjemahan ialah mengalihkan sesuatu bahasa kepada bahasa yang lain yang meliputi mesej, teks sumber, gaya bahasa dan tindak balas yang sama daripada golongan sasaran. Nida (1964) pula menyuarakan pendapatnya bahawa terjemahan adalah satu proses untuk mewujudkan padanan yang paling hampir dengan makna sebenar bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran yang meliputi maknanya dan gayanya. Ini menerangkan bahawa makna dan gaya bahasa sasaran perlu dihasilkan selari dengan bahasa sumber dalam sesuatu terjemahan.

Pendapat ini telah dipertahankan oleh Hartman dan Stork (1972) yang mengatakan bahawa sesuatu terjemahan itu mestilah tepat maknanya sehingga mudah difahami dengan baik oleh pembaca sasaran dan dalam masa yang sama mengekalkan persamaan dari segi gaya bahasanya.

Dari pendapat seorang pakar penterjemahan Arab-Melayu iaitu Muhammad Bukhari Lubis (1998) pula mengatakan bahawa pemeliharaan maksud sesuatu teks bahasa sumber dalam aktiviti terjemahan adalah penting bagi memindahkan idea dari satu bahasa ke satu bahasa yang lain. Pendapat ini turut disokong oleh Abdullah Hasan dan

Ainon (2001) yang menyebut tentang aspek makna dan gaya dalam mendefinisikan perkataan ‘terjemahan’.

Daripada pendapat-pendapat yang dibentangkan di atas, penulis dapat membuat kesimpulan bahawa terjemahan adalah proses penyalinan, pemindahan, pentafsiran, dan penerangan semula makna sesuatu teks bahasa sumber ke dalam bahasa yang lain. Proses ini melibatkan dua bahasa atau lebih yang merupakan satu aktiviti penukaran antara bahasa. Lebih tepat lagi, ia adalah satu aktiviti pertukaran budaya antara bahasa-bahasa di dunia ini.

2.2 Makna Perintah Bahasa Arab

Makna perintah banyak terdapat di dalam Al-Quran. Ini kerana Al-Quran menjelaskan hukum-hakam dalam Islam yang wajib dipatuhi oleh umat Islam. Jadi, penulis akan membentangkan tentang beberapa perkara yang berkaitan dengan makna perintah bahasa Arab yang terdapat dalam Al-Quran.

2.2.1 Pengertian makna perintah

Menurut Ab. Rahim Ibrahim (1999), perintah adalah bermaksud arahan atau suruhan. Beliau menfokuskan perkataan perintah itu dengan perintah dalam Al-Quran yang membawa maksud pelaksanaan sesuatu yang ditentukan. Ini menunjukkan bahawa perintah yang terdapat dalam Al-Quran merupakan sesuatu pelaksanaan hukum yang telah ditentukan oleh Allah kepada hamba-hambanya. Secara khususnya, perintah itu termasuk perintah suruhan dan juga perintah larangan sebagai mana yang terdapat dalam skop kajian ini.

Namun begitu, makna perintah ini perlu diteliti maksudnya sebagai mana yang telah dijelaskan oleh para ulama' Islam dalam bidang Usul Fiqh. Ini penting kerana makna perintah dalam Al-Quran akan membawa kepada sesuatu hukum yang boleh dijelaskan dengan ilmu Usul Fiqh. Jadi, pengkaji telah meneliti beberapa pengertian perintah dari kalangan ulama'-ulama Usul Fiqh.

Menurut Wahbah AL-Zuhaili (1986), perintah ialah satu perkataan yang menjuruskan kepada satu tuntutan daripada pihak yang memiliki kuasa atau kedudukan yang lebih tinggi supaya membuat sesuatu perbuatan. Definisi ini hampir sama dengan definisi yang telah diberikan oleh Abd Al-Karim Zaidan (1989) iaitu perintah merupakan sesuatu tuntutan pelaksanaan yang digunakan oleh golongan yang mempunyai kedudukan yang lebih tinggi. Kedua-dua makna perintah daripada kedua-dua sarjana Islam ini merupakan makna yang menunjukkan perintah bagi sesuatu suruhan.

Manakala makna perintah bagi sesuatu larangan pula telah dijelaskan oleh Fakhr Al-Din Al-Razi (1988). Beliau menjelaskan bahawa perintah larangan merupakan satu perintah daripada golongan yang memiliki kedudukan yang lebih tinggi supaya menjauhkan diri daripada sesuatu perlakuan atau amalan. Pendapat ini telah disokong oleh Abu Ishaq Al-Syatibiy (1991) yang mengatakan bahawa sesuatu larangan itu adalah tuntutan bagi meninggalkan sesuatu yang telah ditegah.

Jadi, jelas di sini bahawa perintah suruhan dan perintah larangan merupakan sesuatu lafaz yang dilakukan oleh golongan yang mempunyai kedudukan yang lebih tinggi kepada golongan yang memiliki kedudukan yang lebih rendah. Dalam konteks Al-Quran pula, ia adalah perintah suruhan dan perintah larangan daripada Allah kepada hamba-hambanya. Sehubungan dengan itu, pengkaji ingin mengkaji kedua-dua jenis perintah ini yang terdapat dalam surah Al-Baqarah.

2.2.2 Kategori makna perintah

Dalam Al-Quran, makna perintah wujud dalam pelbagai bentuk dan gayanya. Antaranya ialah dalam bentuk kata kerja perintah (*Fi'il Amr*), kata kerja mudari' disertai dengan *Lam Al-Amr*, kata nama perintah (*Ism Fi'il*), dan kata kerja mudari' yang disertai dengan *La Al-Nahiyyat*.

(1) Kata kerja perintah (*Fi'il Amr*)

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

43. dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang Yang rukuk.

(2) Kata kerja mudari' disertai dengan *Lam Al-Amr*

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ ۚ فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ

الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ﴿١٨٥﴾

185. (Masa Yang Diwajibkan kamu berpuasa itu ialah) bulan Ramadan Yang padanya diturunkan Al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan Yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara Yang benar Dengan Yang salah. oleh itu, sesiapa dari antara kamu Yang menyaksikan anak bulan Ramadan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu;...

(3) Kata nama yang membawa maksud perintah (*Ism Fi'il*)

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

183. Wahai orang-orang Yang beriman! kamu Diwajibkan berpuasa sebagaimana Diwajibkan atas orang-orang Yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.

(4) Kata kerja mudari' disertai dengan *La Al-Nahiyyat*

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالِكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْءُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ

وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

188. dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu Dengan jalan Yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia Dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).

Inilah di antara bentuk-bentuk ayat yang membawa makna perintah dalam Al-Quran sebagai mana yang telah dijelaskan oleh Wahbat Az-Zuhailiy (1986). Bentuk-bentuk inilah yang akan dilihat oleh pengkaji dan menjadikannya sebagai data-data kajian.

2.3 Teori-teori Terjemahan

Dalam bahagian ini, teori-teori terjemahan akan dipecahkan kepada dua bahagian, iaitu teori terjemahan dan teori ketepatan makna padanan. Penerangannya adalah seperti berikut:

2.3.1 Teori Terjemahan

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan teori terjemahan “Dinamis” yang telah diperkenalkan oleh Nida pada tahun 1964. Nida telah menjelaskan bahawa terjemahan dinamis merupakan aktiviti memindahkan mesej teks sumber kepada teks sasaran dengan menjaga persamaan kesan pembacaan oleh penutur teks sasaran dengan penutur teks sumber (Nida dan Taber, 1969:200). Daripada penerangan tentang makna terjemahan dinamis itu, dapatlah difahami bahawa terjemahan ini mementingkan mesej yang disampaikan dalam bahasa sumber itu supaya dapat difahami dengan mudah oleh penutur bahasa sasaran. Jelas di sini bahawa jika terjemahan itu mudah difahami oleh penutur sasaran, maka terjemahan itu ditakrifkan sebagai terjemahan yang baik. Walau bagaimana pun, Nida juga menegaskan gaya dan padanan kata yang dipilih dalam terjemahan itu mestilah juga sepadan dengan gaya bahasa sumber.

Ekoran daripada itu, Nida telah menggariskan beberapa perkara dalam menterjemahkan sesuatu teks, iaitu:

1. Analisis: untuk permulaan, perkataan atau ayat dalam bahasa sumber dianalisis dari segi maknanya dan juga tatabahasanya dan melihat hubungan di antara keduanya.
2. Pemindahan: selepas dianalisis, makna setiap perkataan atau ayat itu akan dipindahkan daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran.

3. Penstrukturan semula: di peringkat ini, penterjemah akan melakukan penstrukturan semula terjemahan itu supaya mesej yang ada dalam terjemahan itu diterima oleh penutur bahasa sasaran dengan jelas.

Apabila perkara-perkara di atas dijalankan, maka berlakulah proses penterjemahan teks sumber kepada teks sasaran mengikut teori terjemahan yang telah diperkenalkan oleh Nida. Perkara-perkara tersebut penting kepada penterjemah bagi menyempurnakan terjemahan dinamis ini.

Menurut Abdullah Hassan dan Ainon Mohd (2001) melalui kajian Muhammad Arsyad Abdul Majid (2009), terdapat enam aspek yang perlu diketahui oleh penterjemah dalam menghubungkan teori terjemahan dinamis ini, iaitu:

- 1- Penyalinan semula maklumat
- 2- Persamaan lawan keserupaan
- 3- Persamaan yang bersahaja
- 4- Persamaan terdekat
- 5- Keutamaan makna
- 6- Kepentingan gaya

Keenam-enam aspek ini akan dilihat oleh pengkaji dalam membandingkan data-data kajian.

Selain itu, pengkaji juga akan melihat teori linguistik bagi makna perintah dari sudut tatabahasa Arab iaitu teori Ali Jarim dan Mustafa Amin (1998) dalam bukunya Nahwu Wadih. Teori ini lebih menekankan dari aspek bentuk ayat-ayat perintah yang terdapat dalam Al-Quran.

2.3.2 Teori Ketepatan Makna Padanan

Bagi mengetahui ketepatan makna perintah yang digunakan dalam kedua-dua kitab terjemahan itu, teori terjemahan yang diperkenalkan oleh Newmark (1981), dan Nida (1975) akan dijadikan sebagai rujukan.

2.3.2.1 Pendekatan Newmark (1981)

Newmark telah memperkenalkan dua jenis terjemahan iaitu terjemahan komunikatif dan terjemahan semantik. Terjemahan komunikatif ialah satu terjemahan yang mementingkan kepada keberkesanan sesuatu terjemahan itu dalam memberi kesan terhadap pembaca sebagai mana teks asal memberi kesan kepada pembaca itu. Antara ciri-ciri terjemahan jenis ini ialah terjemahan yang dianggap sebagai berkurangan, lebih mementingkan fungsi, budaya bahasa terjemahan, pembaca, dan juga mesej yang ingin disampaikan.

Manakala terjemahan semantik pula ialah terjemahan yang lebih menekankan kepada makna teks asal supaya selari maknanya dengan teks bahasa sasaran dan tidak menyalahi struktur semantik dan sintaksis bahasa kedua itu. Antara ciri-cirinya pula ialah terjemahan yang dikatakan terjemahan berlebihan, mementingkan penulis bahasa asal, makna dan maklumat yang banyak.

Namun begitu, Newmark mengatakan bahawa kedua-dua jenis terjemahan itu tidak semestinya digunakan untuk jenis-jenis teks asal yang tertentu sahaja. Kedua-duanya tiada kaedah yang tetap untuk ditentukan penggunaannya. Malah, Newmark turut mengatakan bahawa terdapat pertindihan di antara kedua-dua kaedah tersebut. Jadi, kedua-dua kaedah penterjemahan itu digunakan mengikut kesesuaian kajian ini.

Secara lebih terperinci, kajian ini mengfokuskan kepada ciri-ciri utama bagi setiap jenis pendekatan terjemahan yang diperkenalkan oleh Newmark itu dalam mencari ketepatan makna terjemahan. Ciri-ciri itu ialah terjemahn secara berkurangan dan terjemahan secara berlebihan. Menurut Newmark, terjemahan berkurangan ialah terjemahan yang menggunakan perkataan yang lebih umum atau menyeluruh dalam bahasa sasaran. Manakala terjemahan berlebihan pula ialah terjemahan yang menggunakan perkataan yang lebih mendalam maksudnya dan bersifat rumit.

2.3.2.2 Teori Nida (1975)

Menurut Nida (1975), antara sebab-sebab yang boleh menimbulkan masalah dalam padanan kata ialah seperti berikut:

- 1- Satu lawan satu
- 2- Satu lawan banyak
- 3- Banyak lawan satu
- 4- Satu lawan tiada

Kesemua kemungkinan tersebut disokong oleh beberapa ahli bahasa yang mengatakan bahawa masalah-masalah tersebut boleh berlaku semasa proses padanan kata nama khusus, kata nama am, kata kerja dan istilah-istilah tertentu (Low Bee Eng (1991), Indrani Pillay (2002), dan Mashudi Kader (1997)). Jadi, masalah ini juga berlaku kepada terjemahan Arab-Melayu dalam mencari padanan kata yang paling tepat.

Menurut Nida lagi, setiap kata ada komponen maknanya. Goh Sang Seong (2011) dalam kajiannya menjelaskan teori Nida ini dengan penjelasan berikut:

(a) pemasukan logik: X secara logiknya termasuk Y jika seluruh komponen X juga merupakan komponen Y;

- (b) *ketidakmasukannya logik: X secara logiknya tidak termasuk Y, dan sebaliknya, jika X mengandung suatu komponen secara sistematisnya bertentangan dengan komponen Y;*
- (c) *sinonim komponen: dua pernyataan itu adalah sinonim secara komponen jika kedua-duanya itu mempunyai pernyataan semantik yang sama.*

Ini menunjukkan bahawa apabila menterjemah sesuatu teks, penterjemah itu mestilah mencari padanan kata yang betul diikuti dengan makna komponen yang selari dengan kata dalam teks asal. Ada dua perkara yang perlu dilihat oleh penterjemah iaitu perkataan dan komponen yang diwakili oleh sesuatu perkataan itu. Apabila dua perkara ini diteliti, maka pemilihan perkataan yang paling sesuai dapat ditentukan. Inilah peranan komponen semantik dalam menentukan makna padanan yang sesuai. Berikut adalah contoh padanan kata kerja perintah yang dipadankan dengan mengaplikasikan teori Nida (1975).

(a) ... اذْعُ لَنَا – maksudnya “Berdoalah untuk kami...”

(b) Terjemahan beserta komponen maknanya: “Pohonlah untuk kami...”

Komponen semantik bagi kedua-dua kata kerja perintah tersebut ialah:

(berdoalah) – [+ harapan, + formal, + tenang]

(pohonlah) – [+ harapan, + formal, + tenang]

Kedua-dua perkataan di atas memiliki komponen semantik yang sama. Jadi, dapatlah disimpulkan bahawa kedua-dua perkataan itu mempunyai padanan makna yang sama dan boleh dikategorikan sebagai terjemahan yang tepat.

Inilah di antara teori yang akan digunakan oleh pengkaji untuk menentukan terjemahan yang tepat bagi makna perintah yang terdapat dalam terjemahan tafsir Fi Zilal Al-Quran dan terjemahan tafsir Pimpinan Ar-Rahman.

2.4 Terjemahan Al-Quran

Terjemahan Al-Quran bermula ketika agama Islam mula tersebar ke seluruh pelusuk dunia. Ini berlaku ekoran daripada kepelbagaian bangsa di kalangan umat Islam di dunia ini. Apabila Islam tersebar dengan meluas, maka keperluan menterjemahkan Al-Quran ke dalam bahasa-bahasa lain menjadi satu kepentingan. Ulama'ulama berusaha memikul tanggungjawab ini bagi menyebarkan ajaran Islam. Tambahan pula, Al-Quran merupakan panduan umat Islam yang wajib diikuti oleh penganutnya. Jadi, kefahaman yang betul tentang isi kandungan Al-Quran perlu diutamakan.

Sehubungan dengan itu, penterjemahan Al-Quran dijalankan bagi memenuhi tuntutan tersebut. Proses penterjemahan Al-Quran bukan sesuatu perkara yang mudah dilakukan. Proses ini memerlukan usaha yang gigih daripada para ulama' dan memakan masa yang agak lama. Ini kerana Al-Quran diturunkan dengan bahasa yang cukup indah dan unik dan tiada sesiapa yang dapat menandingi bahasa Al-Quran. Dengan itu, penulis akan membentangkan metodologi penterjemahan Al-Quran secara ringkas.

2.4.1 Metodologi penterjemahan Al-Quran

Al-Quran adalah sumber utama bagi umat Islam sebagai panduan dalam menjalani kehidupan seharian. Al-Quran adalah kitab agama Islam yang perlu dijaga supaya tidak dirosakkan oleh golongan kuffar. Jadi, penterjemahannya memerlukan kepada kaedah yang betul agar tidak menyalahi makna yang terkandung di dalamnya. Ada beberapa kaedah atau metodologi yang digunakan oleh ulama'-ulama' dalam kerja penterjemahan Al-Quran. Antaranya ialah seperti berikut:

(1) Terjemahan secara harfiah

Terjemahan ini bermaksud menterjemahkan sesuatu teks itu mengikut satu perkataan demi satu perkataan. Ini bermakna setiap perkataan yang ada dalam teks itu diterjemahkan satu demi satu untuk menjaga struktur ayat dalam teks

asal sama ada dari segi nahunya, rentaknya atau maknanya. Perkara ini dijelaskan secara terperinci oleh Ainon Muhammad (1979). Ainon Muhammad (1979) menjelaskan bahawa terjemahan harfiah berlaku apabila kita menterjemah kata kerja dengan kata kerja, kata nama dengan kata nama dan kata sendi dengan kata sendi. Beliau juga mengatakan bahawa terjemahan cara ini perlu dikekalkan juga tanda baca yang ada dalam teks asal seperti koma, noktah dan lain-lain.

Di Malaysia, terdapat juga terjemahan Al-Quran yang menggunakan kaedah ini iaitu Terjemahan Al-Quran Per Kata. Biasanya, terjemahan ini digunakan untuk memudahkan orang ramai mempelajari bahasa Arab daripada Al-Quran.

(2) Terjemahan secara literal

Menurut Zainal Abidin Bakar (2001), terjemahan ini masih mengamalkan terjemahan kata demi kata di samping cuba memperbaikinya supaya selari dengan tatabahasa bahasa sasaran. Penterjemah akan cuba menyesuaikan terjemahan itu dengan struktur bahasa sasaran yang betul dan diterima oleh penutur bahasa itu.

(3) Terjemahan secara bebas.

Terjemahan ini tidak terikat dengan teks bahasa asal. Terjemahan ini terbahagi kepada dua jenis iaitu terjemahan dinamis dan terjemahan adaptasi atau saduran.

i- Terjemahan dinamis

Menurut Eugena A. Nida (1975), terjemahan ini ialah menyalin semula maklumat daripada bahasa asal kepada bahasa sasaran dalam bentuk yang hampir sama dan bersahaja. Daripada definisi tersebut,

Nida mengfokuskan kepada beberapa isi penting tentang terjemahan dinamis ini, iaitu menyalin maklumat, mencari bentuk yang hampir sama dengan bahasa asal dan juga bersahaja, mementingkan makna teks asal, dan mementingkan gayanya.

Kitab terjemahan Al-Quran yang menggunakan kaedah ini ialah terjemahan tafsir Fi Zilal Al-Quran dan beberapa lagi terjemahan yang lain.

ii- Adaptasi atau saduran

Terjemahan ini merupakan terjemahan yang lebih bebas berbanding terjemahan dinamis. Terjemahan ini hanya mengambil isi-isi penting daripada teks asal dan kemudian menterjemahkannya mengikut penterjemah itu sendiri.

Inilah di antara kaedah-kaedah yang digunakan dalam penterjemahan Al-Quran. Namun begitu, penterjemahan Al-Quran perlu kepada rujukan daripada kitab-kitab agama yang lain untuk mengetahui sebab-sebab penurunan ayat dan kaedah hukum yang ditentukan (iaitu melalui ilmu Usul Fiqh).

2.4.2 Penterjemahan Al-Quran di Malaysia

Di Malaysia, aktiviti terjemahan Al-Quran berkembang dengan baik. Kita dapat lihat bahawa terdapat institusi-institusi yang berusaha menterjemah kitab-kitab tafsir Al-Quran dengan bersungguh-sungguh sehingga mereka dapat menyempurnakan terjemahan kitab tafsir Al-Quran itu. Ada beberapa kitab terjemahan tafsir yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia. Mohd Asmadi Yakob (2002) dalam kajian beliau

menyenaraikan kitab terjemahan tafsir yang terawal diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia, iaitu:

(1) Terjemahan Tafsir Al-Baydawi

Terjemahan ini merupakan antara terjemahan tafsir yang terawal diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia dan telah disempurnakan oleh Al-Ustaz Abdul Rauf bin Ali Al-Fansuri Al-Jawi dan disemak oleh tiga orang ulama' iaitu Syeikh Ahmad Al-Fatani, Syeikh Idris Al-Kalntni dan Syeikh Daud Al-Fatani. Selepas itu, kitab ini sekali lagi telah ditashihkan oleh Syeikh Muhammad Idris Abdul Rauf Al-Marbawi pada tahun 1956 yang telah diterbitkan oleh Pustaka Nasional Singapura. Umat Islam di Malaysia terutamanya yang belajar di pondok-pondok menjadikan kitab ini sebagai rujukan utama dalam bidang tafsir pada masa itu.

(2) Terjemahan Tafsir Al-Khazin

Terjemahan ini mula dijalankan pada tahun 1929 oleh Tuan Guru Haji Mohd Yusof Haji Ahmad atau terkenal dengan gelaran "Tok Kenali". Beliau telah mengetuai aktiviti penterjemahan itu dengan dibantu oleh beberapa orang penterjemah lain. Namun begitu, terjemahan ini tidak dapat disempurnakan dan tidak dapat diterbitkan kerana berlakunya rasa tidak puas hati oleh Majlis Agama Islam Kelantan terhadap usaha itu. Oleh sebab itu, terjemahan ini tidak diedarkan kepada orang ramai.

(3) Al-Quran Al-Karim Terjemahan dan Huraian Maksud

Kitab ini merupakan terjemahan daripada bahasa Inggeris ke bahasa Malaysia yang disempurnakan oleh Muhammad Uthman Al-Muhammadi dan dikeluarkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka pada tahun 1992.

(4) Terjemahan Fi Zilal Al-Quran

Terjemahan ini merupakan salah satu bahan kajian pengkaji. Kitab ini telah ditulis oleh Dato' Yusoff Zaky Haji Yacob yang diterbitkan pada tahun 2000. Ianya ditulis dalam 17 jilid dengan bentuk persembahan yang lebih moden.

(5) Terjemahan Tafsir Al-Munir

Terjemahan ini merupakan satu usahasama di antara Persatuan Ulama Malaysia (PUM) dan Intel Multimedia and Publication yang diterbitkan pada tahun 2001. Aktiviti penterjemahan tafsir ini diketuai oleh Prof. Madya Dr. Zulkifli Hj. Yusoff dan dibantu oleh ahli-ahli akademik yang lain. Kemudian, kitab ini disemak oleh Ustaz Haji Abd. Ghani Samsudin dan beberapa orang lagi di kalangan para ulama'.

(6) Terjemahan Tafsir Al-Maraghi

Terjemahan ini diterbitkan hasil daripada usahasama di antara Dewan Bahasa dan Pustaka, Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja, Pusat Pungutan Zakat dan Permodalan Nasional Berhad (PNB). Pada asalnya, terjemahan ini merupakan terjemahan dalam bahasa Indonesia. Kemudian, terjemahan ini diolah semula mengikut gaya bahasa Malaysia.

Berikut adalah penambahan daripada penulis kajian ini, iaitu:

(7) Terjemahan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman

Terjemahan ini merupakan salah satu bahan kajian dalam kajian ini. Kitab ini diterjemah oleh Sheikh Abdullah Basmeih dan disemak oleh Sahibul Fadhilah Datuk Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim (Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 1998). Cetakan pertama kitab ini ialah pada tahun 1980 dan mempunyai beberapa cetakan sehingga sekarang. Kitab ini juga berada di bawah kawalan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

2.5 Penutup

Kesimpulan daripada bab ini, pengkaji telah menjelaskan tentang makna terjemahan dari segi bahasa dan istilah, makna perintah dari segi bahasa dan istilah, teori-teori terjemahan, dan juga terjemahan Al-Quran khususnya di Malaysia.

Terjemahan merupakan aktiviti yang boleh memberi kefahaman kepada penutur bahasa selain daripada bahasa yang digunakan dalam teks sumber. Penutur bahasa sasaran itu dapat menerima mesej yang ingin disampaikan dalam teks sumber. Begitulah juga yang berlaku kepada terjemahan Al-Quran. Walaupun terjemahan Al-Quran sukar untuk dilaksanakan, tetapi akhirnya terjemahan itu berjaya direalisasikan oleh golongan yang bersungguh-sungguh dalam memberi kefahaman kepada orang ramai tentang isi kandungan Al-Quran khususnya di Malaysia ini. Kita dapat lihat bahawa ada beberapa kitab tafsir Al-Quran telah diterjemahkan kepada bahasa Malaysia seperti yang telah disebut di atas. Itulah bukti yang jelas menunjukkan usaha gigih daripada ulama'-ulama' terdahulu.

Dari segi kaedah penterjemahan pula, banyak teori yang telah diperkenalkan oleh orang-orang Barat yang menjadi rujukan kepada aktiviti terjemahan di seluruh dunia seperti teori yang diperkenalkan oleh Nida dan Newmark. Sehubungan dengan itu, ahli linguistik Islam telah meneliti jenis-jenis terjemahan yang digunakan dalam penterjemahan Al-Quran sebagai mana yang telah dijelaskan oleh penulis.

Dalam bab berikutnya, pengkaji akan menjelaskan metodologi yang digunakan dalam menjalankan kajian ini secara terperinci.